



# Sahabat Alam Malaysia Friends of the Earth Malaysia

For Environmental Justice

1, Jalan Joki, 11400 Penang, Malaysia  
Tel No: +604 827 6930  
Fax No: +604 827 6932  
Email: foemalaysia@gmail.com  
<https://www.foe-malaysia.org>

## KENYATAAN MEDIA BERSAMA SAHABAT ALAM MALAYSIA (SAM) PERSATUAN PENDIDIKAN DAN KEBAJIKAN JARINGAN NELAYAN PANTAI MALAYSIA (JARING)

1 NOVEMBER 2018

### **JANGAN TUNDA LAGI: HAPUS PUKAT TUNDA UNTUK SELAMATKAN SUMBER PERIKANAN**

1. Sumber perikanan di Malaysia kini di ambang kemusnahan yang teruk. Kebimbangan terhadap kemerosotan sumber perikanan tersebut berlaku apabila kita dapat melihat kemusnahan besar terhadap ekosistem marin dan juga kekurangan spesies-spesies ikan yang tertentu yang semakin sukar didapati seperti bawal, kerapu, jenahak dan lain-lain. Hasil kajian menunjukkan penurunan populasi dan spesies yang terancam adalah spesies ikan yang mempunyai nilai komersial yang tinggi di pasaran.
2. Dasar Agromakanan Negara (2011-2020) mensasarkan 50% daripada sumber perikanan negara adalah dari akuakultur dan hanya 50% adalah dari tangkap liar. Dasar ini perlu dikaji semula kerana SAM dan JARING percaya industri akuakultur merupakan salah satu faktor yang merosakkan sumber perikanan. Dasar ini akan menggalakkan kawasan hutan paya bakau, pinggir pantai dan kawasan sungai dimusnahkan untuk pembangunan akuakultur. SAM dan JARING percaya dengan penuh yakin dan kajian menunjukkan 70% daripada sumber marin menggunakan hutan paya bakau sebagai nurseri dan tempat pembiakan. Oleh itu, kawasan ini seharusnya dilindungi sepenuhnya.
3. Pengembangan industri akuakultur menggalakkan permintaan yang tinggi terhadap ikan baja. Industri ini telah menggalakkan nelayan pukat tunda untuk menangkap ikan baja bagi dijadikan sebagai sumber pemakanan ikan ternak/akuakultur. Ikan baja merupakan ikan yang tidak atau kurang mempunyai nilai komersial yang ditangkap dan diproses sebagai bahan makanan untuk industri akuakultur.
4. Statistik perikanan menunjukkan 267,892 tan metrik atau 267,892,000 kilogram (kg) ikan baja didaratkan di Malaysia pada 2017 dan sepanjang tempoh 5 tahun dari tahun 2013 hingga 2017 sebanyak 1,317,828 tan metrik ikan baja telah didaratkan. Berdasarkan statistik perikanan tahun 2017, sebanyak 30% daripada tangkapan pukat tunda ialah ikan baja, iaitu 216,623 tan metrik dari jumlah pendaratan pukat tunda sebanyak 711,525 tan metrik.
5. Dari pemantauan SAM dan JARING, 1kg ikan baja bersamaan sekurang-kurangnya 92 ekor anak-anak ikan. Sekiranya ikan ini dibiarkan dewasa dan mencapai saiz matang dianggarkan 1kg anak-anak ikan ini akan menjadi sekurang-kurangnya 12kg ikan saiz dewasa. Berdasarkan kiraan ini, dianggarkan tangkapan ikan baja bagi tahun 2017 akan memusnahkan 3,214,704,000 kg (3,214,704 metrik tan) ikan saiz dewasa dengan nilai RM 25,717,632,000 (RM25.72 billion) (rujuk lampiran 1). Jumlah ini adalah lebih dari mencukupi untuk memenuhi permintaan protein negara. Berdasarkan data ini adalah tidak mustahil sumber perikanan akan pupus menjelang 2048 seperti kajian yang dijalankan oleh Organisasi Pertanian dan Makanan (FAO) Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

6. SAM dan JARING berpendapat pukot tunda dan pukot yang memusnahkan sumber seperti pukot Apollo (kenka 2 bot), pukot harimau, rawa sorong serta pukot-pukot yang memusnahkan sumber perikanan yang lain tidak harus diberikan subsidi atau insentif oleh kerajaan sama ada dalam bentuk minyak atau berat ikan didaratkan (RM0.10/kg). Pukot-pukot ini telah merosakkan sumber perikanan dan perlu dikenakan denda yang berat kerana merosakkan sumber makanan negara.
7. Sistem zon (rujuk lampiran 2) yang telah diguna pakai sejak lama bertujuan melindungi sumber perikanan dilihat gagal apabila penguatkuasaan gagal memainkan peranan melindungi sumber. Konflik antara nelayan zon A dengan nelayan pukot tunda bagaikan tiada kesudahan. Nelayan tunda sering memasuki zon A (bawah 5/8 b.n) dan kami percaya mereka mensasarkan anak-anak ikan untuk dijadikan ikan baja.
8. Contohnya Pukat Kenka 2 bot yang diubah suai menjadi pukot Apollo (rujuk lampiran 3) yang secara terang-terangan menyalahi Akta Perikanan 1985. Pukat rawa sorong yang memenuhi kualat-kualat sungai juga dilihat begitu kebal dan bebas memusnahkan habitat anak ikan. Ini jelas menunjukkan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dengan perikanan tidak memainkan peranan bersungguh-sungguh dalam melindungi sumber perikanan. Bahkan alat-alat tangkapan yang merosakkan sumber perikanan kian banyak dan tiada kawalan.
9. Kami percaya jika pukot tunda dan alat tangkapan yang merosakkan sumber perikanan dihapuskan berserta dengan tindakan penguatkuasaan tegas dan berkesan, sumber perikanan akan kembali pulih. Sumber marin akan membiak dengan lebih baik dan lebih banyak.
10. Sehubungan itu, SAM dan JARING menggesa agar pengurusan perikanan yang bersepadu yang mengambil kira hubung kait yang erat antara ekosistem dan sumber marin perlu diberi penekanan yang serius. Kemampuan sumber dan kemerosotan serius terhadap biomas perlu ditangani dengan bijak. Selain itu, semua pembangunan pesisiran pantai dan persekitaran marin harus mengambil kira impak kepada ekosistem marin serta penggunaan peralatan-peralatan perikanan yang memusnahkan dasar lautan tidak dibenarkan sama sekali dan perlu dibatalkan segera.
11. SAM dan JARING juga menggesa pihak kerajaan tidak tunduk kepada tekanan dari mana-mana pihak dalam usaha menghapuskan pukot tunda menjelang 2020. SAM dan JARING mendapat maklumat terdapat usaha yang dilakukan bagi melanjutkan pengharaman pukot tunda ini. Kerajaan seharusnya tidak melayani pengusaha pukot tunda ini kerana masa yang lama telah diberikan untuk fasa keluar iaitu sejak 2016 lagi.

#### Kenyataan Bersama



**S M Mohamed Idris**  
 Presiden  
 SAHABAT ALAM MALAYSIA (SAM)



**Jamaluddin Mohamad**  
 Pengerusi  
 PERSATUAN PENDIDIKAN DAN  
 KEBAHIKLAN JARINGAN NELAYAN  
 PANTAI MALAYSIA (JARING)